

81

NO. SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB. Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang meletakkan suatu polisi dalam mengawal moral pelancong asing supaya mereka dapat menghormati agama, budaya dan adat resam ketimuran.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tidak meletakkan suatu polisi dalam mengawal etika pelancong asing yang melawat negara kita. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui Tourism Malaysia telah menerbitkan risalah seperti "*Malaysia Travel Guide*" dan "*Customs & Etiquette*" sebagai panduan dan rujukan kepada para pelancong terutamanya kepada mereka yang ingin berinteraksi dengan masyarakat tempatan supaya mereka lebih prihatin terhadap sensitiviti masyarakat tempatan yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Risalah-risalah ini telah diterbitkan sejak lebih daripada 10 tahun yang lalu dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut keperluan terkini. Antara perkara-perkara yang diberi perhatian adalah mengenai aspek etika sosial seperti yang berikut:-

- i) Pengenalan kepada masyarakat tempatan dan sensitiviti, seperti cara memberi salam kepada golongan berusia dan kenamaan dengan gelaran, berpakaian, pantang larang kaum, tingkah laku ketika melawat rumah-rumah ibadah, inap desa (program "*homestay*") dan cara yang terbaik untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan;
- ii) Cara berkelakuan di khalayak ramai di mana kelakuan kurang sopan tidak digalakkan;
- iii) Pemakaian yang bersesuaian di majlis-majlis rasmi dan perayaan keagamaan; dan

- iv) Panduan-panduan lain seperti keperluan menanggalkan kasut sebelum masuk ke rumah orang tempatan, cara-cara menghormati perayaan tempatan dan bersalaman ala timur.

Risalah-risalah ini diedarkan ke serata dunia dan boleh diakses daripada laman sesawang Tourism Malaysia iaitu www.tourism.gov.my. Di samping itu, para pemandu pelancong yang berlesen di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah dilatih untuk memberi penerangan kepada para pelancong berhubung perkara-perkara yang boleh atau tidak boleh dilakukan (*do's and dont's*) semasa berkunjung ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.